

**INFO**

**Jabatan Penjara** mengambil inisiatif sendiri bagi meningkatkan sistem kawalan keselamatan berikutan kekangan bajet. Ketua Pengarah Penjara, Datuk Wira Zulkifli Omar, berkata antaranya, mencipta kerusi pengimbas, sarung tangan pengesan logam serta mengadakan latihan bahasa tubuh serta merasai degupan jantung.



- ⊙ **Kerusi pengimbas**
  - ⊙ dikenali Sistem Pemeriksaan Taktikal
  - ⊙ dihasilkan kakitangan Penjara Alor Setar
  - ⊙ berharga RM4,000 hingga RM6,000 seunit, berbanding RM1 juta mesin pengimbas badan
  - ⊙ berupaya mengesan 100 peratus barang yang diseludup menerusi dubur
  - ⊙ mula digunakan sejak 2009 di semua penjara
  - ⊙ Hong Kong dan Thailand turut berminat menggunakannya




- ⊙ **Sarung tangan pengesan logam**
  - ⊙ dihasilkan kakitangan Penjara Pulau Pinang
  - ⊙ dicipta tiga tahun lalu dan kini pada peringkat akhir ujian
  - ⊙ bentuk seperti sarung tangan penunggang motosikal dan berwarna hitam
  - ⊙ sensitif dengan logam
  - ⊙ lebih mudah digunakan berbanding alat pengesan logam
- ⊙ **Latihan bahasa tubuh dan merasai degupan jantung**
  - ⊙ berupaya mengesan perubahan sikap banduan
  - ⊙ dapat melihat perwatakan tidak bertentang mata, seperti tidak mahu bertentang mata, gelisah dan degupan jantung kencang

⊙ **3,784 BANDUAN**  
di Penjara Kajang

⊙ **2 PENJARA**  
diberi perhatian serius kerana aktiviti penyeludupan barang larangan

⊙ **2 BLOK**  
kuarantin untuk banduan tempatan dan banduan asing



**SUSULAN KES EDAR DADAH DALAM PENJARA**

# Empat pintu tapis banduan

» Kurang peralatan canggih tak halang penjara perketat kawalan elak seludup barang larangan

Oleh Nazura Ngah dan Wan Faizal Ismayatim  
bwnews@bharian.com.my

► Kajang

Jabatan Penjara semalam membawa wartawan dan jurugambar BH meninjau Penjara Kajang bagi menyaksikan proses pemeriksaan keselamatan di pusat tahanan itu. Tinjauan yang turut disertai grafik artis, diatur susulan pendedahan BH Ahad lalu mengenai penyeludupan dan pengedaran dadah dan barang larangan lain dalam penjara memabatkan banduan, warden dan polis. Berdasarkan taklimat dan tinjauan BH, semua pegawai dan kakitangan penjara serta individu yang mempunyai urusan di penjara




14 HARI

kuarantin untuk banduan baru dan banduan balik dari mahkamah

5 MENARA

tinjau di Penjara Kajang



#### KRONOLOGI

9 pagi: Empat petugas BH disambut Penolong Pegawai Perhubungan Awam, Rusniza Anuar di pintu masuk Kompleks Penjara Kajang sebelum dibawa ke bangunan pentadbiran Penjara Kajang.  
10 pagi: Taklimat awal dan sarapan bersama Ketua Unit Sekretariat Jabatan Penjara, Supri Hashim serta Penolong Komisyoner Penjara Kajang, Adnan Atan dan Timbalan Pengusaha Penjara, Penjara Kajang, Nasruddin Md Kassim.

10.15 pagi: Memasuki pintu utama Penjara Kajang dan diberi taklimat mengenai kawasan yang menempatkan bilik pemeriksaan, tandas, bilik timbangan pengarah, bilik penguisa, kaunter pintu besar, lokar penyimpanan barang dan bilik senjata api.  
10.25 pagi: Ke Pejabat Rekod dan Penerimaan.  
10.45 pagi: Ke Unit Kawalan dan Pencegahan (UKP).  
10.55 pagi: Meninjau blok kuarantin.

11.15 pagi: Ke pintu utama untuk pemeriksaan semula sebelum dibenarkan keluar kawasan penjara.

11.30 pagi: Meninjau bilik pelawat yang boleh menempatkan 36 banduan pada satu-satu masa. Waktu lawatan enam hari seminggu kecuali Jumaat dari jam 8 pagi hingga 4 petang, manakala tempoh lawatan 45 minit.

termasuk pegawai perubatan, peguam, guru dan pekerja kontrak diwajibkan menjalani pemeriksaan di pintu masuk utama.

Banduan baru dan yang pulang dari mahkamah pula mesti melalui empat tapisan di lokasi berasingan, manakala banduan yang menjalani rutin harian seperti pemeriksaan kesihatan dan kerja bengkel, diperiksa di setiap lokasi yang dilalui sebelum masuk ke sel.

Bagaimanapun, pemeriksaan itu dijalankan secara manual dan menggunakan alat pengesan logam kerana Jabatan Penjara tidak mempunyai mesin pengimbas badan.

Semalam, BH melaporkan Ketua Pengarah Penjara, Datuk Zulkifli Omar, mengakui semua 33 penjara dan 13 pusat pemuliharaan seluruh negara tidak

mempunyai mesin pengimbas badan menyebabkan pihaknya sukar mencegah penyeludupan barang larangan termasuk dadah.

Dalam tinjauan lebih dua jam, BH mendapati Penjara Kajang mempunyai satu pintu utama disusuli ruang pemeriksaan.

Kenderaan yang membawa makanan dan peralatan kerja bengkel turut diperiksa di ruang itu yang dipasang cermin pada silingnya.

Ruang pemeriksaan itu terletak di antara pintu utama dan satu lagi pintu besi untuk masuk ke kawasan penjara yang menempatkan 15 blok termasuk sel banduan akhir.

Di situ, wartawan BH menjalani pemeriksaan badan menyeluruh termasuk membu-

ka kasut dan stokin serta koeck seluar dan baju diseluk yang dikendalikan seorang warden lelaki, manakala wartawan wanita diperiksa di bilik lain oleh petugas wanita.

Pen turut diperiksa dengan teliti dan buku nota diselak setiap helaian sebelum seorang petugas lain membuat pemeriksaan menggunakan alat pengesan logam di seluruh tubuh.

Setiap pergerakan warden dan banduan juga sentiasa diperhatikan petugas menara tinjau di tembok penjara.

Tinjauan di bilik lawatan pula mendapati ahli keluarga hanya boleh berhubung dengan banduan menggunakan interkom di ruang yang dipisahkan dengan cermin kalis bunyi dan tahan tekanan serta mempunyai palang dan jeriji besi.

## SPRM kaji semula prosedur kawalan penjara

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan meneliti semula sistem dan prosedur kawalan di penjara bagi mencegah rasuah di kalangan kakitangan serta banduan.

SPRM akan berhubung dengan pihak polis dan Jabatan Penjara dalam masa terdekat bagi melihat sistem pembanteraan rasuah sedia ada dan merumuskan penambahbaikan yang perlu diselaraskan.

Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Mustafar Ali, berkata pihaknya akan mengambil tindakan proaktif bagi memastikan 'tembok kebal' itu tidak menjadi sarang rasuah terutama memabitkan dadah.

"Sistem sedia ada mungkin sudah baik tetapi masih boleh ditambah baik. Kita akan bekerjasama dengan pihak polis dan penjara untuk meneliti semula sistem serta prosedur ini selain melihat bagaimana ruang untuk rasuah boleh ditutup."

Selain itu, kita juga berharap adanya pemberi maklumat di kalangan kakitangan penjara supaya jenayah ini dapat ditangani segera," katanya kepada BH ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas pendedahan akhbar ini mengenai penyeludupan dan pengedaran dadah termasuk barang larangan lain dalam penjara dengan bantuan warden serta polis yang diberi upah.

Warden dan polis terbabit dikatakan seorang warden menerima komisen 30 hingga 50 peratus bagi setiap barang yang dijual manakala banduan mengumpul sindiket itu pula mampu meraih sehingga RM20,000 sebulan.

Mustafar berkata, sebanyak enam tangkapan dilakukan SPRM memabitkan kakitangan penjara dipercayai terabit rasuah antara 2009 hingga Mei 2012.

Beliau berkata, empat kes memabitkan warden penjara termasuk membekalkan dadah, meminta khidmat seks daripada isteri banduan dan dua tuntutan palsu.

Selain itu, katanya, dua kes adalah berkaitan pembebasan awal banduan memabitkan seorang koperal dan pegawai penjara.



**Sistem sedia ada mungkin sudah baik tetapi masih boleh ditambah baik. Kita akan bekerjasama dengan pihak polis dan penjara untuk meneliti semula sistem serta prosedur ini selain melihat bagaimana ruang untuk rasuah boleh ditutup"**

**Mustafar Ali,**  
Pengarah Siasatan  
SPRM